

METODE PENGAPLIKASIAN PENDALILAN AL-QURAN AL-KARIM

**Mohd Nazri Ahmad¹, Hamdi Ishak², Mohd Akil Muhamed Ali³,
Fadlan Mohd Othman⁴ & Mohd Manawi Mohd Akib⁵**

*Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
m_nazri@ukm.edu.my¹, hamdi@ukm.edu.my², akil@ukm.edu.my³,
fadlan@ukm.edu.my⁴ & manawi@ukm.edu.my⁵*

ABSTRACT

Al-Quran al-Karim is the main source of Islamic law. The Prophet Muhammad PBUH is the person who best understands the Qur'an in its entirety and in detail. All the laws issued by the Prophet PBUH, are based on his understanding of the Quran. After the death of the Prophet PBUH, the task of explaining the Quran was taken over by the Sahabah RA who according to the Prophet PBUH were people who understood the Holy Quran very well. They were the generation that witnessed the decline of the Quran. They understand why a verse was revealed and the situation it was revealed. After the passing of generations of Sahabah, there have been divisions among Muslims that have encouraged the emergence of political parties that use the Quran for their political interests. The verses of the Quran are interpreted according to their desires. All the methods of interpretation set forth by the Prophet PBUH and his Sahabah are not used as guidelines in understanding the Qur'an. At that time, there were deviations and abuses arose in the postulates of the Quran that continue to this day. This study is a qualitative study in which data is collected and then analysed. The results of the study show that Science of Istidlal is a unique and complicated science that only be mastered by mujtahid scholars.

ABSTRAK

Al-Quran al-Karim merupakan sumber utama hukum syarak. Rasulullah SAW merupakan manusia yang paling memahami al-Quran secara *ijmal* dan perinciannya. Segala hukum-hakam yang dikeluarkan oleh Baginda SAW adalah berdasarkan kefahaman Baginda terhadap al-Quran. Setelah kewafatan Baginda SAW, tugas menjelaskan al-Quran dipikul oleh para Sahabat RA yang merupakan manusia yang amat memahami al-Quran al-Karim selepas Rasulullah SAW. Mereka merupakan generasi yang menyaksikan penurunan al-Qu'an. Mereka memahami sebab turun sesuatu ayat dan situasinya ketika diturunkan. Setelah berlalunya generasi sahabat, telah berlaku perpecahan dalam kalangan umat Islam yang mendorong kemunculan parti-parti politik yang memperalatkan al-Quran untuk kepentingan politik mereka. Ayat-ayat al-Quran ditafsirkan mengikut hawa nafsu. Segala kaedah-kaedah pentafsiran yang telah digariskan oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya tidak dijadikan sebagai garis panduan dalam memahami al-Quran. Di kala itu muncullah penyelewengan dan penyalahgunaan dalam pendalilan al-Quran hinggalah ke hari ini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan cara mengumpulkan data kemudian dianalisis. Hasil kajian mendapati Ilmu *Istidlal* merupakan ilmu yang unik dan rumit untuk dipraktikkan bahkan sukar untuk dikuasai kecuali oleh ulama-ulama mujtahid .

Kata Kunci: Pengaplikasian, Pendalilan al-Quran, Penyelewengan, Tafsir.

PENGENALAN

Sebaik-baik cara mentafsirkan al-Qur'an al-Karim ialah dengan al-Qur'an itu sendiri. Al-Qur'an merupakan Kalam Allah S.W.T yang hanya difahami secara sempurna oleh Allah S.W.T sahaja. Sesuatu yang di *ijmalkan*, akan diperincikan dalam ayat-ayat yang lain. Contohnya kisah Nabi

Nuh a.s Bersama kaumnya yang diceritakan secara *ijmal* di dalam surah Hud. perinciannya terdapat di dalam Surah Nuh bermula dari ayat satu hingga akhir surah. Sesuatu ayat yang umum akan di takhsiskan dalam ayat yang lain seperti keumuman ayat *iddah* tiga *quru'* untuk perempuan yang diceraikan. Berdasarkan ayat tersebut menunjukkan bahawa kesemua perempuan yang diceraikan wajib menunggu *iddah* tiga *quru'* samada perempuan yang mengandung, yang telah putus haid dan juga perempuan yang belum disentuh oleh suami. Namun maksud sebenarnya tidak begitu kerana terdapat ayat-ayat lain yang mengecualikan beberapa golongan perempuan daripada peraturan ini. Begitu juga sekiranya sesuatu ayat itu didatangkan secara *mutlak*, terdapat ayat lain yang mentaqyidkannya. Contohnya menyapu tangan ketika bertayammum disebut secara mutlak tanpa menjelaskan had yang wajib disapu. Kemutlakan hukum tayammum ini diperjelaskan oleh ayat wudu'. Maka had menyapu tangan ketika tayammum juga sama seperti wudu' iaitu hingga ke siku. Seandainya tafsiran sesuatu ayat al-Qur'an itu tidak terdapat di dalam al-Qur'an, hendaklah dirujuk kepada sunnah Rasulullah s.a.w yang sah. Antara tugas Rasul s.a.w ialah menerangkan maksud al-Qur'an. Allah berfirman:

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: *keterangan-keterangan (mukjizat) dan kitab-kitab. Dan Kami turunkan kepadamu Al Quran, agar kamu menerangkan pada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan,*

(Al-Nahl: 16: 44)

Sehubungan itu al-Imam al-Syafi'i menegaskan: Setiap apa yang diputuskan oleh Rasulullah s.a.w ialah berdasarkan apa yang Baginda faham daripada al-Qur'an. (Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidiy. Dr. 1431h/ 2010m. 173) Antara peranan sunnah dalam mentafsirkan al-Qur'an ialah memperincikan kemujmalan al-Qur'an, mentakhsiskan keumuman al-Qur'an, mentaqyidkan kemutlakan al-Qur'an dan menguatkan hukum yang disebut di dalam al-Qur'an. Seandainya tafsiran sesuatu ayat tidak terdapat di dalam al-Qur'an dan Sunnah, hendaklah dirujuk kepada tafsiran sahabat kerana mereka merupakan generasi yang paling memahami al-Qur'an. Mereka mengetahui tentang sebab-sebab turun ayat, berada dalam situasi dan peristiwa ketika sesuatu ayat itu diturunkan. Seandainya tafsiran sesuatu ayat itu tidak terdapat di dalam al-Qur'an, Sunnah dan tafsiran sahabat r.a, hendaklah dirujuk kepada tafsiran al-Tabi'in yang terkenal berguru dengan sahabat seperti Sa'id bin Jubayr, Mujahid bin Jibr, 'Ikrimah, 'Ata bin Abi Rabah dan lainnya. Kesemua ini merupakan kaedah asas dalam pentafsiran al-Qur'an. Pentafsiran al-Qur'an dengan mengikut kaedah yang betul akan menghasilkan pendalilan yang tepat. Sekiranya kaedah-kaedah tersebut tidak diikuti, akan berlaku penyelewengan dalam pentafsiran al-Qur'an al-Karim dan mencetuskan kesilapan dalam pendalilan.

Asas pendalilan al-Qur'an disebut oleh Allah di dalam firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.*

(Al-Nisa': 4: 59)

Dalam ayat ini Allah S.W.T menyuruh manusia supaya merujuk kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (sunnah) ketika berselisih dalam sesuatu masalah. Didalamnya terdapat perincian terhadap masalah khilafiyah samada secara jelas, umum, isyarat, peringatan dan mafhum yang boleh diqiyaskan terhadap masalah yang mempunyai 'illah yang sama. (Al-Sa'adiy. 1436h/ 2015m. 165) *Istidlal* ialah mempraktikan kaedah qiyas dalam menyelesaikan isu-isu yang tidak disebut hukumnya di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

KAEDAH-KAEDAH MEMAHAMI NAS AL-QUR'AN AL-KARIM

Al-Qur'an al-Karim adalah pertunjuk kepada manusia. Allah S.W.T menurunkannya dalam Bahasa Arab supaya ditadabbur oleh manusia seluruhnya. Oleh itu, Allah S.W.T tidak menunjukan percakapan kepada manusia dengan lafaz yang tidak difahami oleh mereka. Namun untuk memahami dan mengambil hukum daripadanya tertakluk kepada kaedah-kaedah dan garis panduan tertentu.

Definisi *Istidlal*

Dari segi Bahasa ialah: Pengesahan atau ikrar dalil bagi mengithbatkan *madlul*. (Al-Jurjaniy. 1403h/ 1983m. 17)

Al-Kafwiyy mendefinisikannya sebagai: Menuntut dalil atau bukti. Kebiasaannya ia digunakan terhadap: Menegakkan bukti atau dalil secara mutlak samada daripada nas atau ijma' atau lainnya atau sebahagian yang khusus daripada dalil. (Al-Kafwiyy. T.th. 114)

Al-Tahanawiy pula mendefinisikannya sebagai: *Istidlal* ialah menuntut bukti atau dalil. (Al-Tahanawiy. 1996. 1: 151)

Adapun makna istidlal dari segi istilah ialah: Percubaan memasukan dalil ke dalam hukum syara'. (Lihat al-Qarafiyy. 1393h/ 1973m. 450)

Al-Imam al-Tufiy pula mendefinisikannya sebagai Menuntut sesuatu hukum dengan dalil samada dari nas atau ijma' atau qiyas. (Al-Tufiy. 1407h/ 1987m. 1: 134)

Al-Imam Taj al-Din al-Subki mendefinisikannya sebagai: Dalil yang bukan daripada nas al-Qur'an atau Sunnah atau Ijma' atau Qiyas. (Al-'Atar al-Syafi'i. T.th. 2: 382)

Istidlal berasal dari kata pangkalnya dalil. Dalil dari sudut Bahasa ialah: Yang menunjuki, yang menyingkap terhadap sesuatu, ia juga digunakan untuk orang yang menegakkan dalil dan digunakan juga terhadap sesuatu yang terdapat pertunjuk dan pedoman. (Al-Fairuz Abadiy. 1426h/ 2005m. 1000)

Menurut istilah ulama Usul, Dalil ialah: sesuatu yang boleh menyampaikan dengan pengamatan yang sah kepada sesuatu perkhawaran. Adapun golongan yang mengkhususkan dalil hanyalah terhadap sesuatu yang qat'i sahaja mendefinisikannya sebagai: Sesuatu yang boleh membawa kepada ilmu terhadap perkhawaran yang dituntut. (Al-Amidiy. 1402h. 1: 11)

Bedasarkan definisi yang telah dinyatakan, boleh disimpulkan bahawa *istidlal* ialah: Daya usaha mencari dalil atau sumber hukum bagi sesuatu masalah yang belum diketahui hukumnya.

ISTIDLAL DI ZAMAN RASULULLAH S.A.W DAN PARA SAHABAT R.A

Para sahabat r.a memahami al-Qur'an secara *ijmal* kerana al-Qur'an adalah Bahasa mereka. Adapun memahaminya secara *tafsil* dan mendalam, itu bukan perkara yang mudah kerana dalam al-Qur'an terdapat 'am, *mujmal*, *Mutlaq* dan *mubham* yang memerlukan kepada ilmu lain untuk memahaminya. *Istidlal* al-Qur'an merupakan ilmu yang diperaktikkan oleh para sahabat r.a. 'Aishah r.a merupakan wanita yang paling faqih dan alim di dunia. Beliau adalah ulama besar dan mujtahid dikalangan sahabat r.a. Sehubungan itu, Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah berkata: Fatwa yang

dikumpulkan dan dihafal daripada para sahabat r.a lelaki dan perempuan berjumlah seratus tiga puluh lebih. Namun yang paling banyak antara mereka ada tujuh iaitu: °Umar bin al-Khattab, °Ali bin Abi Talib, °Abdullah bin Mas°ud, °Aishah Umm al-Mu°minin, Zaid bin Thabit, °Abdullah bin °Abbas dan °Abdullah bin °Umar. (Ibn al-Qayyim. 1411h/ 1991m. 1: 63) °Aishah r.a tidak hanya memfatwakan dengan apa yang beliau riwayatkan daripada Nabi s.a.w sahaja, bahkan beliau berijtihad terhadap isu semasa yang hukumnya tidak disebut di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Apabila ditanya tentang sesuatu hukum, beliau r.a akan merujuknya kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Jika tiada, beliau r.a akan berijtihad untuk mengeluarkan hukum, sehingga dikatakan satu perempat hukum syarak dinukilkan daripada °Aishah Umm al-Mu°minin r.a.

Antara contoh *istidlal* °Aishah r.a daripada ayat al-Qur'an;

عندما دخل صهيب لما أصيب عمر رضي الله عنه فجعل صهيب يبكي ويقول: وأخاه واصحابه، فقال عمر: يا صهيب! أتبكي علي وقد قال رسول الله ﷺ: إن الميت يعذب ببكاء الحي. قال ابن عباس: فلما مات عمر ذكرت ذلك لعائشة فقالت: يرحم الله عمر، لا والله ما حدث رسول الله ﷺ أن الله يعذب المؤمن ببكاء الحي ولكن قال: إن الله يزيد الكافر عذابا ببكاء إهله عليه. قال: وقالت: حسبكم القرآن: (ولا تزر وازرة وزر أخرى)

Maksudnya: *Ketika °Umar bin al-Khattab r.a ditikam, lalu Suhaib masuk untuk mendapatkannya sambil menangis dan berkata: wahai saudaraku! Wahai sahabatku!, lalu °Umar berkata kepadanya: Adakah kamu menangisi aku sedangkan Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya orang mati akan disiksa kerana tangisan orang yang hidup terhadapnya. Ibn °Abbas berkata: Setelah °Umar meninggal, aku menceritakannya (kata-kata °Umar terhadap Suhaib) kepada °Aishah, lalu beliau r.a menjawab: Semoga Allah merahmati °Umar, tidak! Demi Allah, Rasulullah tidak pernah berkata bahawa Allah akan mengazab orang mu°min dengan sebab tangisan orang yang hidup, tetapi Baginda s.a.w berkata: Allah akan menambah azab keatas orang kafir dengan sebab tangisan ahli keluarganya terhadapnya. Ibn °Abbas berkata: °Aishah berkata: memadailah kamu dengan firman Allah: (Dan orang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain)*

(Al-Bukhariy. 2014. *Kitab al-Janaiz*. 1: 303: 1287&1288)

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

Maksudnya: *Dan orang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain.*

(Fatir: 35: 18)

Antara contohnya lagi ialah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim dan Ibn Mardawayh daripada Sa°d bin Hisyam:

دخلت على عائشة رضي الله عنها فقلت: إني أريد أن أتبتل. قالت: لا تفعل، أما سمعت الله عز وجل يقول: ولقد أرسلنا رسلا من قبلك وجعلنا لهم أزواجا وذرية.

Maksudnya: *Aku masuk bertemu °Aishah r.a dan berkata kepadanya: Saya hendak hidup membujang, beliau r.a menjawab: Jangan lakukan, adakah kamu tidak pernah mendengar Allah A.W berfirman yang bermaksud: "Dan sesungguhnya*

Kami telah mengutus beberapa Rasul sebelum kamu dan Kami memberikan kepada mereka isteri-isteri dan keturunan.

(Al-Suyutiy. 1411h/ 1990m. 4: 122)

ASAS-ASAS *ISTIDLAL* DARIPADA AYAT-AYAT AL-QUR'AN

Untuk ber*istidlal* dengan ayat-ayat al-Qur'an, seseorang perlu mengetahui asas-asas berikut antaranya:

Kaedah-kaedah *Usuliyah al-Lughawiyah*

Nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah didatangkan di dalam Bahasa Arab. Oleh itu, Uslub Bahasa Arab, *Dilalah* (pertunjuk) nas dan apa yang ditunjuki oleh lafaz-lafaznya yang tunggal atau lafaz-lafaz yang tersusun perlu diraikan supaya nas-nas tersebut boleh difahami dengan cara yang betul. Ulama *Usul al-Fiqh* menamakan kaedah ini sebagai "Ketetapan Uslub-uslub Bahasa Arab, ibarat-ibaratnya dan kalimah-kalimahnyanya". Berdasarkan ketetapan ini dan apa yang telah diputuskan oleh ulama-ulama Bahasa Arab, mereka berpegang dengan kaedah-kaedah dan garis panduan yang boleh menyampaikan mereka kepada kefahaman yang sahih terhadap nas-nas syarak.

Ulama-ulama Usul juga telah menetapkan bahawa lafaz-lafaz yang digunakan secara *uruf al-syaf'iyah* seperti "*al-salat*", "*al-zakat*" dan "*al-talaq*" akan difahami secara *uruf* juga, tidak dengan cara *lughawiy*. (Abd al-Wahhab Khallaf. 1422h/ 2002m. 167)

Antara kaedah asas memahami nas al-Qur'an ialah: *Dilalah al-Nas* iaitu pertunjuk nas. *Nas al-Syaf'iy* kadang-kadang membawa kepada beberapa pengertian, ia tidak hanya terhad kepada apa yang difahami berdasarkan ungkapan dan susunan huruf-hurufnya sahaja. Bahkan kadang-kadang maknanya itu difahami melalui isyarat, pertunjuk dan tuntutan. Kesemua ini akan menjadi objek yang ditunjuki oleh nas dan akan menjadi dalil dan hujah serta wajib beramal dengannya. (Abd al-Wahhab Khallaf. 1422h/ 2002m. 168)

Di bawah kaedah ini terdapat beberapa pecahan berikut iaitu;

Pertama: *Ibarat al-Nas*, iaitu susunan ayat yang terdiri daripada perkataan dan lafaz yang membawa kepada sesuatu maksud atau pengertian. Contohnya firman Allah S.W.T:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: *Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.*

(Al-Baqarah: 2: 275)

Ungkapan nas ini jelas menunjukkan kepada dua maksud iaitu "jual beli tidak menyamai riba" dan "hukum jual-beli adalah halal dan hukum riba adalah haram". Kedua-dua maksud ini difahami daripada ungkapan nas. Makna yang pertama difahami daripada ungkapan dasar kerana ayat ini diungkapkan untuk menolak terhadap orang-orang yang mengatakan bahawa jual-beli menyamai riba. Ada pun makna yang kedua difahami daripada makna lanjutan kerana menafikan persamaan akan memberi maksud terdapat perbezaan hukum antara dua perkara tersebut. (Abd al-Wahhab Khallaf. 1422h/ 2002m. 169)

Kedua: *Isyarat Nas*; Maksudnya ialah makna yang difahami daripada isyarat nas yang tidak boleh segera difahami melalui lafaznya dan bukan daripada maksud ungkapannya. Contohnya firman Allah S.W.T:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: *Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara ma'ruf.*

(Al-Baqarah: 2: 233)

Difahami daripada *ibarat nas*, nafkah yang wajib diberi kepada ibu-ibu ialah makanan dan pakaian. Ini yang segera difahami daripada lafaz dan maksud daripada ungkapan. Namun makna secara isyarat ialah kewajipan bapa untuk memberi nafkah kepada anak-anaknya tidak dikongsi dengan orang lain. (‘Abd al-Wahhab Khallaf. 1422h/ 2002m. 171 & ‘Abd al-Karim Zaidan. 1424h/ 2003m. 356)

Contoh yang lain ialah firman Allah Ta’ala:

لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا وَيَنْصُرُونَ
اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ

Maksudnya: *(Juga) bagi orang fakir yang berhijrah yang diusir dari kampung halaman dan dari harta benda mereka (kerana) mencari karunia dari Allah dan keredaan-Nya dan mereka menolong Allah dan Rasul-Nya. Mereka itulah orang-orang yang benar.*

(Al-Hashr: 59: 8)

Maksud yang segera difahami ialah orang-orang muhajirin berhak mendapat habuan daripada harta rampasan perang. Namun secara isyarat difahami bahawa orang-orang muhajirin hilang pemilikan mereka terhadap harta-harta mereka yang mereka tinggalkan ketika mereka berhijrah kerana nas menggunakan ungkapan “*Fuqara*” terhadap mereka yang memberi faham tidak ada apa lagi yang kekal dalam milik mereka. (‘Abd al-Wahhab Khallaf. 1422h/ 2002m. 171 & ‘Abd al-Karim Zaidan. 1424h/ 2003m. 358)

Ketiga: *Dilalah al-Nas* (pertunjuk nas) iaitu makna yang difahami daripada sesuatu nas. Contohnya firman Allah Ta’ala:

فَلَا تَقُلْ هُمَا أَفٌّ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Maksudnya: *Maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia.*

(Al-Isra’: 17: 23)

Ungkapan nas melarang daripada berkata “ah” kepada kedua ibubapa, ‘*illah* atau sebabnya kerana menyakitkan hati mereka berdua, tetapi terdapat perbuatan yang lebih menyakitkan mereka berdua seperti memaki hamun atau memukul yang lebih segera difahami bahawa perbuatan ini termasuk dalam larangan ayat. Ianya haram dengan nas yang mengharamkan berkata “ah”. (‘Abd al-Wahhab Khallaf. 1422h/ 2002m. 173 & ‘Abd al-Karim Zaidan. 1424h/ 2003m. 361)

Keempat: Kehendak Nas iaitu lafaz andaian yang mengukuhkan sesuatu ayat sekalipun nas asal tidak menunjukkan ke atas makna tersebut. (‘Abd al-Wahhab Khallaf. 1422h/ 2002m. 175) Contohnya firman Allah Ta’ala:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ.....

Maksudnya: *Diharamkan atas kamu (mengawini) ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan, saudara-saudara bapakmu yang perempuan.....*

(Al-Nisa’: 4: 23)

Maksud ayat di atas ialah diharam mengahwini walaupun lafaz mengahwini tidak disebut didalam nas.

Pembahagian *Dilalah al-Nas*

Dilalah al-Nas terbahagi kepada dua bahagian. **Pertama:** Jelas pertunjuknya dan ia terpecah kepada empat pembahagian iaitu; (‘Abd al-Karim Zaidan, 1423h/ 2003m. 338 & Wahbah al-Zuhailiy. Dr. 1436h/ 2015m. 306)

a. *Al-Zahir*: ialah nyata maksudnya dengan sendiri tanpa perlu sokongan tetapi asal kalam tidak menunjukkan kepada makna zahir tersebut menurut *Siyaq al-Ayat*. Contohnya firman Allah Ta‘ala:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: *Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukumannya.*

(Al-Hashr: 59: 7)

Zahir nas yang segera difahami menunjukkan wajib mentaati Rasul s.a.w dalam semua perkara yang disuruh dan dilarang, tetapi itu bukan maksud asal menurut konteks ayat kerana asal ayat berkaitan perintah wajib mentaati Rasul dalam urusan pembahagian harta rampasan. Namun mentaati keseluruhan perintah Rasul s.a.w adalah ekoran daripadanya.

Al-Zahir ini boleh menerima ta’wilan dan hukum beramal dengan maknanya yang zahir adalah wajib.

b. *Al-Nas*: Sesuatu nas yang menunjukan atas makna dengan sendirinya tanpa perlu sokongan dan ia merupakan maksud asal ungkapan. (Wahbah al-Zuhailiy. Dr. 1436h/ 2015m. 307 & ‘Abd al-Karim Zaidan, 1423h/ 2003m, 340) Contohnya firman Allah Ta‘ala:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: *Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.*

(Al-Baqarah: 2: 275)

Zahir nas menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba dan ia adalah maksud asal daripada konteks ayat.

Al-Nas boleh menerima ta’wilan dan nasakh di zaman Rasulullah s.a.w.

c. *Al-Mufassar* iaitu Sesuatu nas yang menunjukkan makna yang amat jelas dengan sendirinya tanpa ada sedikit pun keraguan dan andaian. (Wahbah al-Zuhailiy. Dr. 1436h/ 2015m. 310 & ‘Abd al-Karim Zaidan, 1423h/ 2003m, 343) Contohnya firman Allah Ta‘ala:

وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَّةً ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ

Maksudnya: *Dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana merekapun memerangi kamu semuanya, dan ketahuilah bahwasanya Allah beserta orang-orang yang bertakwa.*

(Al-Taubah: 9: 36)

Lafaz “mushrikin” merupakan lafaz “*am*” yang boleh menerima “*takhsis*”. Tetapi apabila disandarkan kepadanya lafaz “*Kaffah*”, ia tidak menerima sebarang *takhsis* lagi. Oleh itu maksud ayat ialah perangilah seluruh orang-orang mushrik tanpa pengecualian.

d. Al-Muhkam: Lafaz yang menunjukkan atas sesuatu makna yang amat jelas dengan sendirinya. Ia lebih jelas daripada *al-mufassar*. Ia tidak menerima ta'wilan dan *nasakh*. (Wahbah al-Zuhailiy. Dr, 1436h/ 2015m. 311 & 'Abd al-Karim Zaidan, 1423h/ 2003m, 346) Contohnya firman Allah Ta'ala:

وَمَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُؤْذُوا رَسُولَ اللَّهِ وَلَا أَنْ تَنْكِحُوا أَزْوَاجَهُ مِنْ بَعْدِهِ أَبَدًا إِنَّ ذَلِكَ كَانَ عِنْدَ اللَّهِ
عَظِيمًا

Maksudnya: *Dan tidak boleh kamu menyakiti (hati) Rasulullah dan tidak (pula) mengawini isteri-isterinya selama-lamanya sesudah ia wafat. Sesungguhnya perbuatan itu adalah amat besar (dosanya) di sisi Allah.*

(Al-Ahzab: 33: 53)

Terdapat dua hukum dalam ayat ini iaitu larangan daripada menyakiti Rasulullah s.a.w dan pengharaman berkahwin dengan isteri-isterinya. Kedua-duanya kekal hingga hari kiamat tanpa ta'wilan dan *nasakh*. Setiap nas *muhkam* wajib diamalkan seperti apa yang ditunjukkan oleh nas dan tidak harus diandaikan dengan maksud yang lain dan hukumnya kekal hingga hari kiamat.

Bahagian **kedua** *dilalah al-Nas* ialah: Tidak jelas pertunjuknya, ia terbahagi kepada empat bahagian iaitu;

a. Al-Khafi; iaitu lafaz yang menunjukan atas makna sesuatu tetapi terdapat keraguan terhadap sebahagian objek adakah ia termasuk dalam maksud lafaz tersebut. (Lihat 'Abd al-Wahhab Khallaf, 1422h/ 2002m, 196 dan Wahbah al-Zuhailiy. Dr, 1436h/ 2015m, 1: 324) Contohnya firman Allah Ta'ala:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: *Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai seksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

(Al-Maidah: 5: 38)

Zahir ayat bermaksud setiap orang yang mengambil harta orang lain di tempat simpanan secara tersembunyi dikira sebagai pencuri. Namun terdapat kesamaran terhadap orang yang mengambil harta orang lain dengan cara meragut. Menurut pandangan ulama, mereka juga termasuk dalam kalangan pencuri dan dilaksanakan hukuman mencuri ke atas mereka. (Lihat Wahbah al-Zuhailiy. Dr, 1436h/ 2015m. 2: 325)

b. Al-Mushkil; iaitu lafaz yang tersembunyi maksudnya dan tidak boleh difahami kecuali setelah dibuat penelitian. (Wahbah al-Zuhailiy. Dr, 1436h/ 2015m, 2: 326) Contohnya lafaz "أنى" dalam firman Allah Ta'ala:

نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَكُمْ فَأْتُوا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ

Maksudnya: *Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercucuk tanam, maka datangilah tanah tempat bercucuk-tanammu itu bagaimana saja kamu kehendaki.*

(Al-Baqarah: 2: 223)

Ia merupakan lafaz *mushtarak* yang memberi maksud "كيف" iaitu bagaimana dan maksud "من أين" iaitu dari mana. Setelah diteliti, dalam ayat ini ia memberi maksud "bagaimana" iaitu

“Datangilah isterimu sebagaimana yang kamu kehendaki. (Lihat Wahbah al-Zuhailiy. Dr, 1436h/ 2015m, 2: 327)

c. **Al-Mujmal** iaitu lafaz yang maksudnya tersembunyi kecuali dengan penjelasan daripada orang yang mengeluarkan perkataan kerana tidak ada *qarinah* yang menunjukkan atas makna yang dimaksudkan oleh orang yang mengeluarkan perkataan. Sebab *ijmal* kadang-kadang berlaku kerana lafaz *mushtarak* yang tidak ada bersamanya *qarinah* yang menentukan makna yang dikehendaki dan kadang-kadang disebabkan oleh lafaz yang ganjil yang kurang digunakan seperti lafaz "هلوعا" dalam firman Allah:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا

Maksudnya: *Sesungguhnya manusia diciptakan bersifat keluh kesah lagi kikir.*

(Al-Ma^{ar}ij: 70: 19)

Dengan sebab itu ianya ditafsirkan oleh ayat yang selepasnya iaitu firman Allah Ta^{ala}:

إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ۖ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا

Maksudnya: *Apabila ia ditimpa kesusahan ia berkeluh kesah, dan apabila ia mendapat kebaikan ia amat kikir.*

(Al-Ma^{ar}ij: 70: 20 & 21)

Kadang-kadang sebab *ijmal* terjadi kerana perpindahan lafaz daripada makna *lughawi* kepada makna *istilahi* seperti lafaz *al-hajj*, *al-Salat* dan *al-zakat*. Kerana itulah sunnah datang untuk menjelaskan maksudnya yang syarⁱ. (Abd al-Karim Zaidan. 1424h/ 2003m. 352)

d. **Mutashabih** iaitu lafaz yang tersembunyi maksudnya dan sifahanya tidak menunjukkan atas makna yang dimaksudkan serta tiada jalan untuk mengetahuinya lantaran tiada *qarinah* yang boleh menghilangkan kesamaran tersebut. (Abd al-Karim Zaidan. 1424h/ 2003m. 353) Contohnya firman Allah Ta^{ala}:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَىٰ

Maksudnya: *(Iaitu) Tuhan Yang Maha Pemurah. Yang bersemayam di atas 'Arsy.*

(Taha: 20: 5)

KEPENTINGAN *ASBĀB AL-NUZŪL* DALAM *ISTIDLAL*

Al-Imam al-Zarkashiy dan al-Sayūtiy telah menjelaskan antara kepentingan *Asbāb al-Nuzūl* ialah: (Al-Zarkashiy.1972. 1: 22-23 dan al-Sayūtiy. T.th. 1: 28-29)

Pertama: Untuk mengetahui hikmat pensyariatian hukum.

Kedua: Mengkhususkan hukum bagi mereka yang berpendapat “Hukum itu dikira berdasarkan sebab yang khusus”.

Ketiga: Untuk memahami maksud sesuatu ayat secara tepat. Al-Shaikh Abu al-Faḥ al-Qushairiy menegaskan: Penjelasan tentang sebab turun sesuatu ayat merupakan kaedah terkuat untuk memahami al-Qur’an. Kaedah ini telah direalisasikan oleh para Sahabat yang menyaksikan penurunan wahyu dan memahami segenap penjurusan isu-isu yang menjadi penyebab utama turun sesuatu ayat.

Keempat: Kadang-kadang lafaz al-Qur'an itu diturunkan secara umum, tetapi terdapat dalil yang mengkhususkan keumuman tersebut. Oleh itu, apabila sebab turun sesuatu ayat dikenalpasti, maka pengkhususan hukum perlu ditetapkan terhadap masalah yang menjadi penyebab turun ayat sahaja tanpa menjangkau masalah-masalah yang lain. Mengkhususkan hukum terhadap masalah yang menjadi penyebab turunnya sesuatu ayat adalah *qat'i*, sementara mengeluarkan pengkhususan tersebut kepada ruang lingkup yang lebih luas berdasarkan kepada ijtihad adalah sesuatu yang ditegah. Kaedah ini merupakan permuafakatan ulama seperti yang didakwa oleh al-Qaḍi Abu Bakr di dalam "*al-Taqrīb*". Contohnya sebab turun ayat 188 Surah Ali 'Imrān:

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا أَتَوْا وَيُجِبُونَ أَنَّ يُحْمَدُوا بِمَا لَمْ يَفْعَلُوا فَلَا تَحْسَبَنَّهُمْ بِمَفَازَةٍ مِنَ الْعَذَابِ
وَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: *Janganlah sekali-kali kamu menyangka, bahawa orang-orang yang gembira dengan apa yang telah mereka kerjakan dan mereka suka supaya dipuji terhadap perbuatan yang belum mereka kerjakan janganlah kamu menyangka bahawa mereka terlepas dari seksa, dan bagi mereka seksa yang pedih.*

(Al-Qur'an. Āli 'Imrān, 3: 188)

Sebab turunnya ialah seperti yang diceritakan dalam riwayat berikut:

أن مروان قال اذهب يا رافع لبوابه إلى ابن عباس فقل لئن كان كل امرئ منا فرح بما أتى وأحب أن يحمد بما لم يفعل معذبا لعذبنا أجمعون فقال ابن عباس ما لكم ولهذا الآية إنما أنزلت هذه الآية في أهل الكتاب ثم تلا ابن عباس {وإذ أخذ الله ميثاق الذين أتوا الكتاب لتبيننه للناس ولا تكتمونه} هذه الآية وتلا ابن عباس {لا تحسبن الذين يفرحون بما أتوا ويحبون أن يحمدوا بما لم يفعلوا} وقال ابن عباس سأهم النبي صلى الله عليه وسلم عن شيء فكنتموه إياه وأخبروه بغيره فخرجوا قد أروه أن قد أخبروه بما سأهم عنه واستحمدوا بذلك إليه وفرحوا بما أتوا من كتمانهم إياه ما سأهم عنه

Maksudnya: *Bahawa Marwan bin Al-Hakam berkata kepada pengawalnya: "Wahai Raff! pergilah kamu kepada Ibn 'Abbas dan tanyalah; sekiranya setiap orang daripada kita akan diazab kerana merasa gembira dengan sesuatu yang ia datangkan dan suka dipuji terhadap sesuatu yang ia tidak lakukan, nescaya kita semua akan diazab oleh Allah". Ibn 'Abbas menjawab: "Apa kena kamu dengan ayat ini? Ayat ini diturunkan kepada Ahl al-Kitab", kemudian Ibn 'Abbas membaca ayat (yang bermaksud): Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari Nabi-nabi (dengan firmanNya): "Sesungguhnya apa jua kitab dan hikmat yang Aku berikan kepada kamu, kemudian datang pula kepada kamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu beriman sungguh-sungguh kepadaNya, dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolungnya". Allah berfirman lagi (bertanya kepada mereka): "Sudahkah kamu mengakui dan sudahkah kamu menerima akan ikatan janjiKu secara yang demikian itu?" mereka menjawab: "Kami berikrar (mengakui dan menerimanya)". Allah berfirman lagi: "Jika demikian, maka saksikanlah kamu, dan Aku juga menjadi saksi bersama-sama kamu." (Al-Qur'an. Ali 'Imran. 3: 81) Dan membaca lagi (yang bermaksud): Jangan sekali-kali Engkau menyangka (wahai Muhammad, bahawa) orang-orang yang bergembira Dengan apa yang*

mereka telah lakukan, dan mereka pula suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan - jangan sekali-kali engkau menyangka mereka akan terselamat dari seksa, dan mereka pula akan beroleh azab yang tidak terperi sakitnya. (Al-Qur'an. Ali 'Imran. 3: 188) Ibn 'Abbas berkata: "Nabi SAW telah bertanya kepada mereka tentang sesuatu, mereka menyembunyikannya dan memberitahu sesuatu yang tidak berkaitan, lalu mereka berlalu dan menampakan seolah-olah mereka telah memberitahu apa yang telah diminta oleh Nabi SAW, mereka minta dipuji dan berasa gembira terhadap apa yang mereka sembunyikan.

(Muslim. T.th. Ṣaḥīḥ, bab: Ṣifāt al-Munāfiqin wa Aḥkāmihim, 13: 358: 4982)

Dalam hadith yang lain, ayat diatas diturunkan khusus kepada golongan Munafiq:

حدثنا الحسن بن علي الحلواني ومحمد بن سهل التميمي قالا حدثنا ابن أبي مرزوق عن ابن جعفر أخبرني زيد بن أسلم عن عطاء بن يسار عن أبي سعيد الخدري أن رجلا من المنافقين في عهد رسول الله صلى الله عليه وسلم كانوا إذا خرج النبي صلى الله عليه وسلم إلى الغزو تخلفوا عنه وفرحوا بمقعدهم خلاف رسول الله صلى الله عليه وسلم فإذا قدم النبي صلى الله عليه وسلم اعتذروا إليه وحلفوا وأحبوا أن يحمدهم بما لم يفعلوا فنزلت { لا تحسبن الذين يفرحون بما أتوا ويحبون أن يحمدهم بما لم يفعلوا فلا تحسبنهم بمفازة من العذاب }

Maksudnya: Daripada Abu Sa'īd al-Khudriy RA.: Orang-orang munafiq di zaman Nabi SAW sentiasa ketinggalan apabila Nabi SAW keluar berperang dan berasa bangga terhadap perbuatan tersebut. Apabila Nabi SAW kembali, mereka meminta pelepasan, bersumpah dan suka dipuji terhadap perbuatan yang mereka tidak lakukan, maka turun ayat (yang bermaksud): Jangan sekali-kali engkau menyangka (wahai Muhammad, bahawa) orang-orang yang bergembira dengan apa yang mereka telah lakukan, dan mereka pula suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan - jangan sekali-kali engkau menyangka mereka akan terselamat dari seksa, dan mereka pula akan beroleh azab yang tidak terperi sakitnya. (Al-Qur'an. Ali 'Imran. 3: 188)

(Muslim. T.th. Ṣaḥīḥ, bab: Ṣifāt al-Munāfiqin wa Aḥkāmihim, 13: 357: 4981)

Al-Ṭabariy mengulas: Pendapat yang lebih *awḥā* ialah; ayat ini ditujukan kepada Ahl al-Kitāb yang telah berjanji dengan Allah SWT untuk menjelaskan kepada manusia tentang sifat-sifat Nabi SAW dan tidak akan menyembunyikannya samasekali, kerana ayat tersebut masih lagi dalam ruang lingkup membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan mereka. Apabila ditafsirkan, maksudnya akan jadi seperti ini: "Janganlah kamu menyangka wahai Muhammad terhadap orang-orang yang gembira dengan apa yang mereka lakukan – (iaitu menyembunyikan sifat-sifat kamu daripada pengetahuan manusia padahal telah tertulis di dalam kitab mereka dan Allah telah membuat janji terhadap mereka supaya mengakui kenabian kamu. Tetapi mereka telah mencabuli perjanjian tersebut dan merasa bangga dengan dosa yang mereka lakukan. Dalam pada itu, mereka suka dipuji kononnya mereka adalah golongan yang taat kepada perintah Allah, kuat beribadat, menunaikan sembahyang, berpuasa dan patuh kepada wahyu) – bahawa mereka akan terlepas daripada azab. Bagi mereka azab yang sangat sengsara. (Lihat al-Ṭabariy. 1984. 3: 208)

Kelima: Menolak sangkaan keterbatasan hukum. Contohnya tafsiran Imām al-Shāfi‘iy terhadap firman Allah:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ
لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ
عَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah". kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhan mu maha pengampun, lagi maha mengasihani.*

(Al-Qur'an. Al-An'am. 6: 145)

Orang-orang kafir telah mengharamkan sesuatu yang diharamkan oleh Allah dan menghalalkan sesuatu yang diharamkan oleh Allah. Mereka cuba bertindak melawan arus, lalu Allah menurunkan ayat sebagai menangkis tujuan mereka. Ayat al-Qur'an ini seolah-olah hendak menyatakan: "Tidak ada sesuatu yang halal kecuali apa yang kamu haramkan dan tidak ada sesuatu yang haram kecuali apa yang kamu halalkan", ini bersamaan halnya dengan seseorang yang berkata: "Kamu jangan makan sesuatu yang manis hari ini". Kamu pula menjawab: "Aku tak akan makan sesuatu kecuali yang manis". Tujuan ayat ini diturunkan adalah untuk menentang kehendak Yahudi, pada hakikatnya bukanlah bertujuan menafikan atau mengithbatkan sesuatu hukum. Oleh itu, ayat ini bermaksud: "Tiada ada pengharaman kecuali terhadap perkara-perkara yang kamu halalkan seperti bangkai, darah, daging babi dan binatang yang disembelih dengan selain nama Allah. Ayat ini bukan bertujuan menjelaskan tentang penghalalan selain perkara-perkara tersebut, kerana maksud ayat ini adalah mengithbatkan pengharaman, bukan untuk mengithbatkan penghalalan. (Al-Zarkashiy. 1972. 1: 23)

Keenam: Untuk mengenalpasti individu yang diturunkan ayat kepadanya. Contohnya ayat 17 surah al-Ahqāf:

وَالَّذِي قَالَ لَوْلَاذِيهِ أَفٍّ لَّكُمَا أَتَعَدَانِي أَنْ أُخْرَجَ وَقَدْ خَلَّتِ الْقُرُونُ مِنْ قَبْلِي وَهُمَا يَسْتَعْجِلَانِ اللَّهَ
وَيْلَكَ ءَامِنٌ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَيَقُولُ مَا هَذَا إِلَّا أَسْطِيرُ الْأَوَّلِينَ

Maksudnya: *Dan (sebaliknya amatlah derhakanya) orang yang berkata kepada kedua ibu bapanya (ketika mereka mengajaknya beriman): "Ah! Bosan perasaanku terhadap kamu berdua! Patutkah kamu menjanjikan kepadaku bahawa aku akan dibangkitkan keluar dari kubur, padahal berbagai umat sebelumku telah berlalu (masih lagi belum kembali)?" sambil mendengar kata-katanya itu - ibu bapanya merayu memohon pertolongan Allah (menyelamatkan anak mereka) serta berkata (kepada anaknya yang ingkar itu): "Selamatkanlah dirimu! berimanlah (tentang hidup semula menerima balasan amal)! Sesungguhnya janji Allah tetap benar". lalu ia menjawab (dengan angkuhnya): "Semuanya itu hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu kala!"*

(Al-Qur'an. Al-Ahqaf, 46: 17)

Ayat ini telah disalah tafsirkan oleh Marwan, lalu 'Aishah r.a telah memperbetulkannya seperti riwayat berikut:

عن يوسف بن ماهك قال كان مروان على الحجاز استعمله معاوية فخطب فجعل يذكر يزيد بن معاوية لكي يبائع له بعد أبيه فقال له عبد الرحمن بن أبي بكر شيئا فقال خذوه فدخل بيت عائشة فلم يقدرُوا فقال مروان إن هذا الذي أنزل الله فيه } والذي قال لوالديه أف لكما أتعدانني { فقالت عائشة من وراء الحجاب ما أنزل الله فينا شيئا من القرآن إلا أن الله أنزل عذري

Maksudnya: Yusuf bin Māhik menceritakan bahawa Marwān dilantik oleh Mu'āwiyah RA. sebagai gabenor di Hijaz. Ketika menyampaikan khutbah, beliau berkempen untuk Yazid bin Mu'āwiyah supaya di ba'ah menjadi Khalifah selepas ayahnya Mu'āwiyah, lalu 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr memperkatakan sesuatu, lalu Marwān mengarahkan: "Tangkapnya!". 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr pun lari berlindung di dalam rumah 'Aishah RA. dan mereka terhalang untuk memasukinya. Lalu Marwān pun berkata: "Inilah dia manusia yang telah diturunkan kepadanya: (ayat di atas). 'Aishah RA.. pun menjawab disebalik tabir: "Tiada suatu ayat al-Qur'an pun diturunkan tentang keluarga kami kecuali ayat yang menyatakan kesucianku".

(Al-Bukhāriy. 1986. Ṣaḥīḥ, Kitab al-Tafsīr, bab: Sūrah al-Aḥqāf, 8: 439: 4827)

Dalam riwayat di atas menceritakan tentang kesilapan Marwān yang beranggapan bahawa ayat al-Qur'an di atas diturunkan kepada 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, lalu 'Aishah RA. menjelaskan bahawa ayat tersebut tiada kaitan dengan 'Abd al-Raḥmān.

Di dalam satu riwayat al-Isma'īlīy, 'Aishah RA.. berkata: Marwān berdusta! Demi Allah! Ayat ini tidak diturunkan kepada 'Abd al-Raḥmān. Dalam satu riwayat yang lain pula daripada al-Isma'īlīy, 'Aishah berkata: Demi Allah! Ayat ini tidak diturunkan kecuali kepada Fulan bin Fulan al-Fulaniy. Dalam satu riwayat al-Isma'īlīy juga 'Aishah berkata: Kalau kamu mahu aku sebut nama, aku akan sebut. Tetapi Rasulullah SAW telah melaknat bapa Marwān dan Marwān ketika dalam salbinya. Dalam hadith yang dikeluarkan oleh 'Abd al-Razzāq daripada jalur Mina', bahawa beliau mendengar 'Aishah mengingkari ayat ini diturunkan kepada 'Abd al-Raḥmān bin Abi Bakr. 'Aishah berkata: Ayat ini diturunkan kepada Fulan bin Fulan dan beliau menyebut nama lelaki tersebut. (Al-'Asqalāniy. 1986. 8: 440)

PENUTUP

Istidlal daripada al-Qur'an al-Karim merupakan satu ilmu yang unik. Tidak seorang pun boleh menguasainya kecuali ulama mujtahid seperti para Sahabat dan ulama-ulama al-Tabi'in. Terdapat banyak kaedah yang perlu dikuasai oleh seseorang apabila hendak beristidlal dengan ayat-ayat al-Qur'an. Sekiranya disiplin ilmu-ilmu yang diperlukan tidak dikuasai, akan lahirlah penyelewengan dalam beristidlal. Sebagai contohnya terdapat sebahagian penceramah beristidlal dengan ayat 89 surah al-Baqarah yang menunjukkan keharusan bertawassul dengan orang yang telah mati dan berdoa di kuburan. Firman Allah S.W.T:

وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِن قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَّا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ

Maksudnya: Dan setelah datang kepada mereka Al Quran dari Allah yang membenarkan apa yang ada pada mereka, padahal sebelumnya mereka biasa

memohon (kedatangan Nabi) untuk mendapat kemenangan atas orang-orang kafir, maka setelah datang kepada mereka apa yang telah mereka ketahui, mereka lalu ingkar kepadanya. Maka laknat Allah-lah atas orang-orang yang ingkar itu.
(Al-Baqarah: 2: 89)

Mereka berhujah bahawa orang-orang Yahudi bertawassul dengan Rasulullah sebelum Baginda s.a.w dilahirkan lagi supaya mendapat kemenangan dalam peperangan. Sekiranya harus bertawassul dengan Nabi s.a.w sebelum Baginda dilahirkan, sudah tentu bertawassul dengan Baginda selepas wafat lebih harus.

Maksud sebenar ayat ini Apabila datang kepada mereka kitab daripada Allah melalui Nabi akhir zaman yang membenarkan isi kitab Taurat yang berada di tangan mereka, mereka amat meyakinkannya. Apabila berlaku peperangan antara mereka dengan orang-orang mushrik, mereka meminta pertolongan dengan Nabi ini dan mereka berjanji bahawa ia akan muncul dan mereka akan membunuh orang-orang mushrik bersamanya. Malangnya apabila datang kepada mereka kitab dan Nabi yang dijanjikan, mereka mengingkarinya. (Al-Sa'adiy. 1436h/ 2015m. 43 dan Ibn Kathir, 1408h/ 1988m, 1: 118)

Dalam tafsiran Ibn Kathir dan al-Sa'adiy menjelaskan bahawa mereka mengharapkan kedatangan Nabi akhir zaman supaya mereka boleh memerangi orang-orang mushrik bersamanya dan bukan memohon bantuan daripadanya sebelum ia dilahirkan.

Kesilapan ber*istidlal* akan mencetuskan pendustaan terhadap Allah S.W.T dan nas-nas al-Qur'an al-Karim. Sehubungan itu Allah S.W.T berfirman:

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِيَتَفَتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ
الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta "ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan kebohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tiadalah beruntung.*

(Al-Nahl: 16: 116)

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada Geran Penyelidikan Islam PP-2022-018 Pembinaan Kerangka/ Garis Panduan Pendalilan al-Quran dalam Penulisan Ilmiah.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Abd al-Karim Zaidan. Dr. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. 1424h/ 2003m. Cet-1. Muassasah al-Risalah.

Abd al-Wahhab Khallaf. *Ilm Usul al-Fiqh*. 1423h/ 2003m. Dar al-Hadith, al-Qahirah.

Al-Amidiy. Ali bin Muhammad. *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. 1402h. Cet – 2. Ta'liq: Abd al-Razzaq Afifiy. Al-Maktab al-Islamiy. Dimashq – Bairut.

Al-Asqalaniy. Ahmad bin Ali bin Hajar. 1986h/ 1407m. Cte-1. *Fath al-Bariy bi Sharh Sahih al-Bukhariy*. Dar Rayyan li al-Turath.

- Al-[°]Atar. Hasan bin Muhammad bin Mahmud. *Hashiah al-[°]Atar[°]ala Sharh al-Jalal al-Mahalliy[°]ala Jam[°]u al-Jawamf*. T.th. Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyah, Bairut – Lubnan.
- Al-Bukhariy. Abu [°]Abdullah Muhammad bin Isma[°]il. *Sahih al-Bukhariy*. 2014h. Cet – 6. Tahqiq: Al-Shaikh [°]Abd al-[°]Aziz bin [°]Abdullah bin Baz. Al-Maktabah al-Tafiqiyah.
- Al-Fairuz Abadiy. Muhammad bin Ya[°]qub. *Al-Qamus al-Muhit*. 1426h/ 2005m. Cet – 8, Tahqiq: Muhammad Na[°]im al-[°]Arqasusiy. Muassasah al-Risalah.
- Ibn Kathir. Abu al-Fida' Isma[°]il bin Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-[°]Azim*. 1408h/ 1988m. Dar al-Hadith – al-Qahirah.
- Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah. Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub bin Sa[°]ad al-Shams al-Din. *Flam al-Muqf[°]in[°]an Rab al-[°]Alamin*. 1411h/ 1991m. Cet – 1, Tahqiq: Muhammad [°]Abd al-Salam Ibrahim. Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyah, Bairut – Lubnan.
- Al-Jurjaniy. [°]Ali bin Muhammad bin [°]Ali al-Zain al-Syarif . *Al-Ta[°]rifat*. 1403h/ 1983m. Cet – 1, Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyah, Bairut – Lubnan.
- Al-Kafwiyy. Ayyub bin Musa al-Husainiy al-Qarimiy al-Kafwiyy Abu al-Baqa al-Hanafiy. *Al-Kulliyat Mu[°]jam fi al-Mustalahat wa al-Furuq al-Lughawiyyah*. T.th. Muassasah al-Risalah, Bairut – Lubnan.
- Al-Qarafiy. Abu al-[°]Abbas Shihab al-Din Ahmad bin Idris bin [°]Abd al-Rahman al-Malikiy. *Sharh Tanqih al-Fusul*. 1393h/ 1973m. Cet – 1. Tahqiq: Taha [°]Abd al-Rauf Sa[°]d. Syarikah al-Tiba[°]ah al-Fanniyyah al-Muttahidah.
- Al-Sa[°]diy. [°]Abd al-Rahman bin Nasir. *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. 1436h/ 2015m, cet – 1, Dar al-Taqwa.
- Al-Sayutiy. Jalal al-Din [°]Abd al-Rahman bin Abi Bakr. *Al-Itqan fi [°]Ulum al-Qur'an*. 1411h/ 1990m. Cet – 1. Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyah, Bairut – Lubnan.
- Al-Tabariy. Abu Ja[°]far Muhammad bin Jarir. *Jamf al-Bayan[°]an Ta[°]wil Ayi al-Qur'an*. 1405h/ 1984m. Cet-1, Dar al-Fikr, Bairut, Lubnan.
- Al-Tahanawiy. Muhammad bin [°]Ali Ibn Al-Qadiy Muhammad Hamid bin Muhammad Sabir al-Faruqiy al-Hanafiy al-Tahanawiy. *Mausuf[°]ah Kashshaf Istilahat al-Funun wa al-[°]Ulum*. 1996. Cet – 1. Tahqiq: Dr [°]Ali Dahruj. Maktabah Lubnan Nashirun – Bairut.
- Al-Tufiy. Sulaiman bin [°]Abd al-Qawiy bin al-Karim al-Tufiy al-Sarsariy. *Sharh Mukhtasar al-Raudah*. 1407h/ 1987m. Cet – 1. Tahqiq: [°]Abdullah bin [°]Abd al-Muhsin al-Turkiy. Muassasah al-Risalah.
- Wahbah al-Zuhailiy. Dr. *Usul al-Fiqh al-Islamiy*. 1436h/ 2015m. Dar al-Fikr al-Mu[°]asir. Bairut.
- Al-Zarkasyi. Badr-Din Muhammad bin [°]Abdullah. T.th. *Al-Burhan fi [°]Ulum al-Qur'an*. Saida Bairut: Manshurat al-Maktabah al-[°]Asriyyah. Tahqiq: Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim.